

12/12/2000

Adun mahu rakyat dapat faedah projek

KERAJAAN digesa melaksana pelbagai projek berdaya maju bagi memastikan penduduk sekitar Putrajaya mendapat faedah daripada pembangunan kawasan itu sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru.

Datin Paduka Seripah Noli Syed Husin (BN-Sepang) juga meminta kerajaan memberi lebih banyak peluang kepada syarikat tempatan yang layak bagi membabitkan diri dalam pelaksanaan beberapa projek menerusi peruntukan RM800 juta.

Sehubungan itu, beliau menggesa jawatankuasa perunding pembangunan yang bertanggungjawab memantau dan mentadbir projek berkenaan perlu telus dalam memilih kontraktor yang layak.

"Saya harap tidak timbul rungutan pemborong tempatan kemampuan mereka melaksanakan kerja telah dinafikan," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2000 bagi tujuan penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya di Dewan Rakyat semalam.

Rang Undang-undang itu dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau juga turut memohon supaya wang pampasan kerajaan negeri Selangor sebanyak RM7.5 juta dikaji semula dengan mengambil kira faktor inflasi, nilai tanah dan kos sara hidup semasa.

Datuk Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam) berkata, tindakan kerajaan mengambil alih Putrajaya tidak bermakna rakyat negeri itu akan kerugian.

"Ini kerana Putrajaya tidak akan dialih ke tengah laut. Putrajaya tetap kekal dan berada di sana. Tiada persoalan kedaulatan Selangor akan koyak rabak seperti digembar-gemburkan," katanya.

(END)